



## "MENGINFAKKAN HARTA BAGI MEMBANGUNKAN UMMAH"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلَ : وَأَعِدُّوا لَهُم مَا أَسْتَطَعْتُم مِنْ قُوَّةٍ  
وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ  
وَعَدُوَّكُمْ وَءَاخَرِينَ مِنْ دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ  
يَعْلَمُهُمْ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوفَّ  
إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ

۶۰

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ



اللَّهُ تَعَالَىٰ: يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ  
وَلَا تَمْوَنُ إِلَّا وَأَنْتُم مُسْلِمُونَ.

### **Sidang Jumaat sekalian,**

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT. dengan melaksanakan segala perintahnya dan meninggalkan segala larangannya. Marilah kita memperbanyakkan zikir kepada Allah SWT dan memperbanyakkan selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Di samping sentiasa berusaha melaksanakan segala sunnahnya. Mudah-mudahan ianya akan memberikan manfaat kepada kita di dunia dan di akhirat.

Khutbah Jumaat pada kali ini menyeru kita supaya "**Menginfakkan Harta Bagi Membangunkan Ummah**".

### **Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Dewasa kini, terdapat ramai golongan gelandangan dan miskin harta yang masih wujud di muka bumi Allah ini. Hal ini dapat kita lihat kerana kurangnya rasa keinsafan dan kesedaran di dalam diri manusia untuk membelanjakan sedikit hartanya ke jalan Allah. Manusia seakan-seakan tidak mengerti bahawa sekiranya sedikit kita memberi kepada orang yang memerlukan, maka Allah akan melipat gandakan harta yang di berikan itu.

Hal ini dapat dibuktikan dengan firman Allah S.W.T dalam Surah Al-Baqarah ayat 261:



مَثْلُ الَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلَ  
حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةً حَبَّةً  
وَاللَّهُ يُضَعِّفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ



"Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. dan (ingatlah), Allah akan melipat gandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi meliputi ilmu pengetahuan-Nya."

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Sedekah ialah suatu pemberian kepada orang yang memerlukan dengan tujuan mahu mendekatkan diri kepada Allah. Oleh yang demikian, apabila ia merujuk kepada keimanan dan keyakinan janji Allah, ia adalah sesuatu yang sangat pasti perlu kepada pembuktian iaitu menginfakkan harta ke jalan Allah sama ada infak yang wajib ataupun sunat termasuklah zakat, wakaf, hibah dan hadiah yang diberikan kepada fakir miskin, kaum keluarga, atau fi sabilillah.

### Saudara muslimin yang berbahagia sekalian,

Terdapat banyak fadhilat apabila menginfakkan harta ke jalan Allah, antaranya ialah sebagai pemberi syafaat bagi pelakunya dan terhindar daripada azab kubur. Demikian pula di hari kiamat ia akan mendapat



naungan di sebabkan pahala sedekahnya padahal ketika itu manusia berpanasan di dalam kubur.

Sedekah juga dapat menolak kemurkaan di sebabkan sifat pemurah yang ada pada diri kita. Inilah seperti yang dikehendaki dalam Islam yang mana orang yang kaya lebih berharta membantu golongan yang miskin dan bukan bermegah-megah dengan harta yang dimiliki. Dengan kenyataan yang juga berbentuk satu motivasi bagi umatnya.

Firman Allah SWT. Dalam surah al-Baqarah ayat 271 :

وَيُكَفِّرُ عَنْكُم مِّن سَيِّئَاتِكُمْ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ  
... وَاللَّهُ بِمَا  
٢٧١

“...dan Allah akan menghapuskan dari kamu sebahagian dari kesalahan-kesalahan kamu. dan (ingatlah), Allah Maha mengetahui secara mendalam akan apa yang kamu lakukan”.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Amalan bersedekah ini merupakan salah satu amalan yang dituntut untuk dihayati dalam kehidupan seharian, sebagaimana yang sering dilakukan oleh baginda Rasulullah SAW. yang mana baginda amat terkenal sebagai seorang yang pemurah dan dermawan. Sesiapa sahaja yang datang meminta pertolongan kepadanya pasti akan dibantu oleh Baginda SAW. Baginda juga menjunjung tinggi golongan pemurah dan dermawan yang membelanjakan hartanya kearah kebaikan. Inilah amalan mulia yang patut dicontohi dan dihayati oleh setiap umat islam pada hari ini.



Firman Allah SWT. dalam surah Ali Imran ayat 92:

لَن تَنَالُوا الْبَرَ حَتَّىٰ تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ<sup>ج</sup>  
تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ<sup>٩٢</sup>

"Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. dan sesuatu apa juu yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya".

### Sidang Hadirin yang dikasihi sekalian,

Hakikatnya, bersedekah ini bukan sahaja dapat membantu golongan fakir miskin sahaja, bahkan ia juga dapat membantu diri kita sendiri dalam mencapai matlamat taqwa. Ini kerana amalan bersedekah akan dapat mengikis diri kita dari sifat-sifat mazmumah seperti sifat bakhil, riak dan bongkak.

Pada hakikatnya, sedekah ini tidak mengurangi harta yang kita miliki sedikitpun, bahkan Allah SWT akan menggantikannya dengan sesuatu yang lebih baik daripada apa yang telah kita berikan.

Firman Allah SWT. di dalam surah Ali Imran ayat 180:

وَلَا تَحْسِبَنَّ الَّذِينَ يَبْخَلُونَ بِمَا أَتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ هُوَ خَيْرًا لَهُمْ بَلْ هُوَ شَرٌّ لَهُمْ سَيِطَّوْقُونَ مَا



نَخْلُواْ بِهِ يَوْمَ الْقِيَمَةِ وَلَلَّهِ مِيرَاثُ الْسَّمَوَاتِ  
وَالْأَرْضِ وَاللَّهُ عَلَىٰ مَا تَعْمَلُونَ حَبِيرٌ



"Dan jangan sekali-kali orang-orang yang kikir dengan apa yang diberikan Allah kepada mereka dari kurnia-Nya, mengira bahawa (kikir) itu baik bagi mereka, padahal (kikir) itu buruk bagi mereka. Apa (harta) yang mereka kikirkan itu akan dikalungkan (dileher) pada hari kiamat. Milik Allah lah apa yang ada di langit dan di bumi. Allah Maha teliti terhadap apa yang kamu kerjakan".

### Sidang Jumaat yang berbahagia,

Melalui amalan bersedekah, ia dapat membentuk seorang insan yang berjiwa pengasih dan penyayang serta mendidik kita menjadi insan yang sentiasa peka akan hal dan masalah-masalah yang berlaku di kalangan masyarakat yang ada di sekeliling kita. Dalam masa yang sama, amalan infaq, sedekah dan bentuk-bentuk pemberian yang lain ini juga akan dapat menghindarkan diri kita daripada penyakit "al-wahan" iaitu sifat cintakan dunia dan bencikan mati.

Untuk makluman hadirin sekalian, bagi menyuburkan amalan bersedekah kepada masyarakat, Negeri Selangor telahpun mewujudkan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor atau ringkasannya TAPIS. Kita semua boleh menyumbang kepada tabung ini dengan kadar minimum RM1.00 setiap bulan. Sumbangan boleh diberikan kepada wakil pemungut yang telah dilantik iaitu dikalangan amil-amil zakat atau datang sendiri ke Pejabat Agama Islam yang berhampiran atau terus ke Bahagian Penyelidikan



dan Pembangunan JAIS di Shah Alam yang menjadi sekretariat menguruskan tabung ini.

Seterusnya, hasil dari sumbangan yang diterima, kutipan tabung ini akan digunakan untuk membantu pelaksanaan program-program pembangunan umat Islam di Negeri ini. Oleh itu, berdasarkan latarbelakang pewujudan tabung dan penggunaannya untuk pembangunan umat , adalah menjadi kemestian kepada para jemaah sekalian untuk mendokong usaha-usaha murni ini dalam menginfakkan harta bagi membangunkan ummah.

Setakat ini, pihak pengurusan TAPIS telah mengagihkan hasil kutipan tabung ini bagi tujuan kelengkapan perpustakaan surau, sekolah dan pejabat, bantuan kewangan pembelian buku-buku Islam, surau, sekolah dan pejabat, bantuan kewangan aktiviti kefahaman Islam, bayaran pengimaran masjid dan surau, bantuan kewangan dakwah, memperbaiki surau dan bantuan kewangan bagi menjaga keimanan kepada Allah menepati *Maqasid Syariah*.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT.,**

Secara kesimpulannya, infaq dan bersedekah ini mempunyai banyak rahsia dan keistimewaannya yang tersendiri. Apabila manusia dapat menghayati dan mengetahui keistimewaan tersebut, nescaya mereka akan dimurahkan rezekinya oleh Allah dan terhindar daripada bala bencana. Oleh itu, marilah kita mengamalkan amalan sunat yang sangat dituntut oleh Islam ini supaya dapat menghapuskan sifat sompong, takbur dan menunjuk-nunjuk dengan pemberiannya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ



يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمْنَوْا لَا تُبْطِلُوا صَدَقَاتِكُمْ بِالْمَنِ  
وَالْأَذَى كَالَّذِي يُنْفِقُ مَالَهُ رِئَاءَ النَّاسِ وَلَا يُؤْمِنُ بِاللَّهِ  
وَالْيَوْمِ أَلَا خِرْ فَمَثَلُهُ كَمَثَلِ صَفْوَانِ عَلَيْهِ تُرَابٌ  
فَأَصَابَهُ وَابْلُ فَتَرَكَهُ صَلَدًا لَا يَقْدِرُونَ عَلَى  
شَيْءٍ مِّمَّا كَسَبُوا قَدْ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ



"Wahai orang-orang yang beriman! jangan rosakkan (pahala amal) sedekah kamu dengan perkataan membangkit-bangkit dan (kelakuan yang) menyakiti, seperti (rosaknya pahala amal sedekah) orang yang membelanjakan hartanya kerana hendak menunjuk-nunjuk kepada manusia secara riak, dan ia pula tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat. maka bandingan orang itu ialah seperti batu licin yang ada tanah di atasnya, kemudian batu itu ditimpa hujan lebat, lalu ditinggalkannya bersih licin (tidak bertanah lagi). (Demikianlah juga halnya orang-orang yang kafir dan riak itu) mereka tidak akan mendapat sesuatu (pahala) pun dari apa yang mereka usahakan. dan (ingatlah), Allah tidak akan memberi petunjuk kepada kaum yang kafir".

(al-Baqarah : 264).



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاقَتِهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ  
يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُ  
وَسَلَامُهُ ؎ تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ  
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ  
لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ



الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ  
مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَّا  
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى أَنْ تَحْفَظَ  
بَعَيْنِ عِنَائِتِكَ الرَّبَانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،  
جَلَالَةً مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاغُورِ، سُلْطَانَ  
شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ  
سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.  
الَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَىْةَ وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاغُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ  
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمِنْكَ وَكَرَمِكَ يَا



ذَالْجَلَالُ وَالإِكْرَامُ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَينَ  
لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالبِلَادِ، وَبِلْغُ مَقَاصِدَهُمَا  
لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَاماً. رَبَّنَا إِاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادُ  
اللهِ، إِنَّ اللهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نَعْمَيْهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.